

Pantun Poket

Cetakan Kedua (Edisi Kemasan Kini)



Cetakan Kedua (Edisi Kemas Kini)

Pantun diiktiraf sebagai warisan kebudayaan tidak ketara negara oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) pada 17 Disember 2020 di bawah kategori Representative List of the Intangible Cultural Heritage of Humanity secara pencalonan multinasional (multinational nomination) di antara Malaysia dan Indonesia.

**JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA
KUALA LUMPUR
2024**

Cetakan Pertama 2021
Cetakan Kedua 2024 (Edisi Kemas Kini)

Hak Cipta Terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian buku ini dalam apa jua bentuk atau cara sama ada elektronik atau mekanikal tanpa permohonan bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Pantun Poket. Diselaras dan Diselenggara oleh: Noor Seela Noor Sulaiman,
Zuriah Mohamad
ISBN 978-967-5552-78-6

1. Pantoums.
 2. Malay poetry
 3. Government publications--Malaysia.
 - I. Noor Seela Noor Sulaiman 1977.
 - II. Zuriah Mohamad 1983.
- 899.2313

Ketua Pengarah:
YBrs. Mohd Amran bin Mohd Haris
Ketua Pengarah, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara

Idea Asal:
YBhg. Tan Sri Norliza Rofli
Mantan Ketua Pengarah, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara

Diselaras dan Diselenggara oleh:
Cawangan Dokumentasi dan Penerbitan,
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara

Disunting oleh:
Mohd Rizal bin Ismail

Turut memuatkan sebahagian koleksi pantun:


- | | |
|--|---|
| • YBhg. Tan Sri Dato' Seri Utama
Dr. Rais Yatim
(Buku Alam Terbang Menjadi Guru) | • Zuriah binti Mohamad
(Koleksi Pantun Peribadi) |
| • Mohd Amran bin Daud
(Buku Koleksi Pantun Majlis Rasmi) | • Saifulkhairi bin Ahmad
(Penyelenggara Buku Pantun Budi) |
| • Mohd Rizal bin Ismail
(Koleksi Pantun Peribadi) | • Noor Seela binti Noor Sulaiman
(Koleksi Pantun Peribadi) |
| | • Koleksi Pantun Melayu |

Penerbit:
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara
Aras 16, 18, 19, 26, 27, 30 & 34, Menara TH Perdana
No.1001 Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur.
Telefon: 03-2614 8200
Faks: 03-2697 0884
E-mel: penerbitan@jkkn.gov.my
Laman Sesawang: www.jkkn.gov.my




Bola melantun terkena pintu
Pasu di para jatuh ke lantai
Dengan pantun warga bersatu
Ukhwah kita kembali termeterai

Lalang diragut kambing di ladang
Rumput juga jadi sasaran
Hati takut jiwa tak senang
Pantun terkejut tak ada di tangan



Puas bermain bergusti lengan
Patah jari sakitlah mata
Usah takut menyerah jangan
Pantun berseni identiti bangsa



KANDUNGAN

1 - 10

Pantun Alu-Aluan &
Selamat Datang

11 - 16

Pantun Terima Kasih

17 - 28

Pantun Budi

29 - 34

Pantun Bahasa & Budaya

35 - 40

Pantun Jenaka

41 - 46

Koleksi Pantun
Buku Alam Terbentang
Menjadi Guru oleh
YBhg. Tan Sri Dato' Seri Utama
Dr. Rais Yatim



PANTUN ALU-ALUAN & SELAMAT DATANG



Mekar sejambak bunga gubahan
Jatuh sekuntum di atas peti
Majlis berseri kerana tuan
Tanpa mu tuan tidak bererti

Cerana kesumba indah melati
Cantik tersemat dambaan puteri
Kepada tuan sembah diberi
Mohon rasmikan majlis kami

Menjelang malam berakhirlah petang
Senja bertandang rembulan menanti
Ku hulurkan salam selamat datang
Silalah berladang menabur budi

Mekar angšana pandang tak jemu
Bunganya luruh ke dalam raga
Ucapan pemula memohon restu
Tanda acara baru bermula

Pohon pedada di dalam taman
Jadi idaman si anak rusa
Terima kasih kunjungan tuan
Sulamkan mesra satukan jiwa

Daun nipah kajangnya rapat
Hidangan tetamu di Kota Gelanggi
Jalinan ukhwah kembali erat
Dalam majlis gemilang begini

Ada bulan adanya bintang
Bintang teranggun bintang kejora
Saya ucapkan selamat datang
Di majlis gemilang raikan bersama

Di Puncak Alam tumbuh jati
Daunnya rapuh jatuh ke lurah
Kunjungan tuan cukup bererti
Terpahat kukuh dalam sejarah

Cuaca redup di petang hari
Ramai orang pergi berhuma
Tuan sanggup datang ke mari
Moga ikatan kekal selamanya

Tumbuh pala di tepi perigi
Tumbuh juga pohon petola
Bersyukur kita kepada Ilahi
Dengan izin-Nya kita bersua

Simpan sigai tepian huma
Sigai basah terkena renjis
Tuan bagai bulan purnama
Berseri cerah dalam majlis

Dara desa tersipu malu
Anggun wajahnya terlihat ayu
Adat Melayu menyambut tetamu
Hamparkan tikar lebarkan pintu

Merahnya warna si bunga raya
Tumbuh mekar di taman sana
Izin diminta mula bicara
Agar manfaat diperoleh bersama

Main guli dengan tali
Pegang tali sambil berlari
Rasa di hati girang terperi
Bertemu tuan yang baik budi

Indah ciptaan di waktu senja
Mentari muncul merah menyala
Salam disembah memula acara
Selamat datang kepada semua

Anak sembilang di tapak tangan
Sayangnya jari tertusuk duri
Hilang di mata di hati jangan
Kerana tuan saya ke mari

Lubang digali buat perigi
Di tepi perigi rumput merata
Syukur kita kepada Ilahi
Kerana-Nya jua kita bersua

Batu kikir burung terkukur
Ada di bawah pohon cemara
Senyum diukir salam dihulur
Awal Bismillah pembuka bicara

Putuslah sudah tali sabut
Tali direntang tepi padang
Awal Bismillah kata disebut
Moga tuan ceria bertandang

Bunga gantang di Pasar Tamu
Warnanya lain seperti bara
Selamat datang para tetamu
Dengan izin dimulakan acara

Bawa rami ke Sungai Tekali
Rami ditambat tepi kandang
Nasib kami beruntung sekali
Tamu hebat sudi bertandang

Pucuk gelam pucuk semalu
Pucuk pala daun berpilin
Ucapan salam sambut tetamu
Ikatan mesra kukuh terjalin

Manisnya cekur tumbuh di kali
Petik daunnya petiklah berdua
Mari bersyukur ke hadrat Ilahi
Dengan kurnia-Nya kita bersua

Biar senang puyuh berlari
Tebu ditanam rapat-rapat
Kerana tuan kami ke mari
Assalamualaikum pembuka hajat

Pergi ke pekan membeli bingka
Bingka dijual oleh si dara
Hati girang bersua muka
Awal Bismillah pembuka bicara

Riuh rendah asyik berlagu
Tarian pincang hilang melodi
Puas sudah kami menunggu
Tuan bertandang legalah hati

Hinggaplah tempua atas para
Dahan sena dihinggap merbah
Kita bersua menganyam bicara
Dalam suasana penuh muhibah

Keropok rangup di atas meja
Keropok tenggiri nipis sekali
Tuan sanggup tinggalkan kerja
Demi menghadiri majlis kami

Anak kelicap anak tekukur
Anak belatuk mari diangkat
Madah diucap kata ditutur
Tuan disambut penuh adat

Tanah gambut tidak padat
Tanam kentang payah berisi
Tuan disambut dengan adat
Tuan diraikan penuh tradisi

Kibar bendera di pinggir kota
Kota Matang letaknya pekan
Salam sejahtera pemanis kata
Selamat datang saya ucapkan

Bukan gelam sebarang gelam
Gelam tua kukuh sekali
Bukan salam sebarang salam
Salam mesra setulus hati

Tumbuh pala di tepi perigi
Tumbuh juga pohon petola
Bersyukur kita kepada Ilahi
Dengan izin-Nya kita bersua

Pokok kemboja jangan ditarah
Kemboja hutan cantik berseri
Majlis sederhana makin meriah
Apabila tuan datang ke mari

Tanjung Tuan di hujung sana
Tempat kera main di sawah
Kunjungan tuan besar ertinya
Bertaut mesra jalinan ukhwah

Banyak lebah menuju pekan
Pekan Matang membeli temu
Salam sembah kata diucapkan
Selamat datang semua tetamu

Kelapa puan di halaman puri
Puri Diraja tempat keramat
Sambut tuan datang ke mari
Beriring doa ucapan selamat

Pohon pandan dibasuh akarnya
Pohon temu susun berbaris
Kedatangan tuan besar ertinya
Sebagai tetamu penyeri majlis


Tepian paya tumbuhnya kesum
Paya bemban di hujung taman
Di bibir saya mesra berkuntum
Meraikan tuan tamu budiman

Bawa joran mengail jemuduk
Bawah kemumu berenang bilis
Tuan puan dipersilakan duduk
Tuan tetamu penyeri majlis

Jinak merpati memakan rumput
Cantiknya bulu pelbagai warna
Setulus hati kami menjemput
Tuan tamu sungguh istimewa


Sudah matang bunga cempaka
Waktu pagi kembang sekali
Tuan datang berbunga ceria
Harum mewangi di taman hati

Marilah direntang akar rami
Usah dicabut akar mempelas
Selamat datang ke majlis kami
Kami sambut dengan ikhlas





PANTUN TERIMA KASIH



Biji selasih sedap dimakan
Mari ditatang bawa ke puri
Terima kasih saya ucapkan
Tuan datang majlis berseri

Duduk di telaga merindui kekasih
Anak muda usah bermalasan
Ingin saya berterima kasih
Tuan rela menjadi teman

Makan laksa di pohon ceri
Pandai sungguhlah si adik berseni
Terima kasih menjemput ke mari
Sungguh meriah majlis ini

Lempar pukut menjala ikan
Masak nasi bersama menantu
Cantik sangat tuan dan puan
Tak puas dipandang sepanjang waktu

Makan Sirih seorang diri
Seorang diri di waktu pagi
Terima kasih daun keladi
Saya pasti kan datang lagi

Sirap selasih isi kelubi
Letak di dulang hidangan pagi
Terima kasih daun keladi
Kerana undang saya ke mari

Pokok saga tumbuh tinggi
Merah warnanya menawan hati
Hadir saya pada hari ini
Harapnya majlis bertambah seri

Pohon selasih tumbuh di taman
Anak haruan berenang di kolam
Terima kasih kami ucapkan
Budi tuan tak mungkin terpadam

Berkejar-kejaran ombak di laut
Menyentuh pantai berpasir bersih
Budi tuan disebut-sebut
Kerja selesai dan terima kasih

Pohon sirih pohon selasih
Tumbuh merimbun di hujung laman
Kalungan budi junjungan kasih
Menjadi kenangan sepanjang zaman

Adik mandi tepi perigi
Sejuk badan ketar-ketar gigi
Berat hati meninggal pergi
Terima kasih saya diingati

Sirap selasih hendak dijamu
Gulai sekawah ikan pelotan
Terima kasih atas doamu
Sejahteralah ukhwah dalam persahabatan

Kuning emas masaknya padi
Mawar merah dalam jambangan
Terima kasih daun keladi
Budi tuan jadi kenangan


Terima kasih kami ucapkan
Kerana kalian selalu membantu
Jasa dan bakti jadi taruhan
Akan dikenang setiap waktu

Terbuka renda tertanggal butang
Kebaya Cik Siti butang selari
Jika tiada aral melintang
Saya pasti datang ke mari

Dari kampung pindah ke pekan
Rumah dibina di Taman Jati
Sekalung terima kasih kami ucapkan
Atas segala jasa dan bakti

Tepian sawah pinang berjajar
Mentari bersinar di Tanah Bentan
Segala bimbingan tunjuk dan ajar
Tidak terbalas segunung intan

Budak kampung pergi ke pekan
Tersesat jalan tertanya-tanya
Jasa dan bakti tuan curahkan
Semoga mendapat limpah rahmat-Nya





PANTUN BUDI



Makan sirih berpinang tidak
Pinang ada di bawah tangga
Makan sirih mengenyang tidak
Tanda berbudi dengan bahasa

Di sana padi di sini padi
Baru bernama sawah dan bendang
Di sana budi di sini budi
Baru sempurna bernama orang

Awal pertama orang berbangsa
Kedua banyak ribu dan laksa
Ketiga majlis bermanis muka
Keempat banyak berbudi bahasa

Asal beras dari padi
Dari padi menjadi nasi
Kami berbudi tak minta simpati
Sentiasa ikhlas di dalam hati

Bendera dikibar gilang-gemilang
Angin bertiup sepoi bahasa
Budi ditabur tidakkan hilang
Jadi ingatan sepanjang masa

Indah terletak kebaya nyonya
Cantik disarung di badan wanita
Berbudi bahasa amalan mulia
Menjadi tunjang masyarakat Malaysia

Akhlak mulia menghiasi diri
Menjunjung martabat keluarga ternama
Adat dan budaya disanjung tinggi
Hidup berunding muafakat bersama

Masyarakat Malaysia masyarakat berbudaya
Menjadi lambang kebanggaan Malaysia
Seni budaya disemarak dipulihara
Kekal menjadi khazanah negara

Kalau ada jarum yang patah
Jangan simpan di dalam peti
Kalau ada silap sepatah
Jangan disimpan di dalam hati

Petik bunga jatuh melata
Puteri dan inang asyik bersenda
Warisan dipelihara budaya dijaga
Menjadi lambang kemegahan negara

Bedak muka putih melepak
Wanita bermain sepak raga
Apa guna berwajah segak
Kalau tidak berbudi bahasa

Cantik hiasan hantaran pinangan
Sirih junjung ditatang di dulang
Tradisi kita dilupa jangan
Adat dikendong budaya dijulang

Kalau kering laut Melaka
Tidak saya lupakan tuan
Adat budaya warisan kita
Tidakkan hilang ditelan zaman

Sirih junjung susunan bertingkat
Sebagai hantaran mempela bertandang
Jangan kita melanggar adat
Walau nyawa di hujung pedang

Tali bersimpul akar keladi
Dicurah air jatuh ke bawah
Jadi manusia biar berbudi
Kerana budi terjalin ukhwah

Lari sambil membawa raga
Raga dipegang dengan erat
Adat Melayu sentiasa dijaga
Biar mati anak jangan mati adat

Lidah berbisa bila bicara
Tidak fikir hati yang luka
Ungkapan manis tatkala bicara
Kerana kita masyarakat berbudaya

Malam gelap pelita dipasang
Cahaya pelita malam berseri
Duit ringgit yang orang pandang
Budi bahasa ditolak ke tepi

Anak kucing patah kaki
Kaki patah tak dapat berlari
Banyak budi perkara budi
Budi yang mana sentiasa di hati

Ambil tali panjang tujuh
Minyak bercampur air mawar
Tuan laksana tali yang teguh
Boleh diambil jadi penawar

Anak Cina main gelombang
Nampak dari Tanjung Jati
Tuan umpama bunga yang kembang
Sentiasa hidup di dalam hati

Dua tiga kucing berlari
Mana kan sama si kucing belang
Dua tiga dapat kucari
Mana kan sama tuan seorang

Akar keladi melilit selasih
Selasih tumbuh di hujung taman
Kalungan budi junjungan kasih
Mesra kenangan sepanjang zaman

Anak negeri mencari tuba
Tuba dicari di Tanjung Jati
Di dalam hati tidak kan lupa
Bagai rambut bersimpul mati

Bandar baru Seberang Perai
Gunung Daik bercabang tiga
Hancur badan tulang berceraai
Budi yang baik dikenang juga

Bila memandang ke muka laut
Nampak sampan mudik ke hulu
Bila terkenang mulut menyebut
Budi yang baik ingat selalu

Burung serindit terbang melayang
Mari hinggap di ranting mati
Bukan ringgit dipandang orang
Budi bahasa rangkaian hati

Dari Daik pulang ke Daik
Sehari-hari berkebun pisang
Budi baik dibalas baik
Dalam hati dikenang orang

Di tanah rendah tumbuh keladi
Batang pinang berbuah tidak
Puas sudah menabur budi
Orang mengenang entah kan tidak

Terbang burung dari selatan
Dipuput angin sangga bayu
Bukalah surat dari lipatan
Lihatlah pantun Bahasa Melayu

Yang kurik kundi
Yang merah saga
Yang baik budi
Yang indah bahasa

Anak haruan lima-lima
Mati ditimpa punggung berdaun
Budi tuan kami terima
Jadi kenangan bertahun-tahun

Anak itik pandai menari
Anak angsa terlompat-lompat
Rupa cantik dapat dicari
Budi bahasa mana nak dapat

Ada padi adalah beras
Bertanak nasi periuk tembaga
Adat dan budi menjadi teras
Orang berbudi kita berbahasa

Asam kandis mari dihiris
Manis sekali rasa isinya
Dilihat manis dipandang manis
Lebih manis hati budinya

Ayam hutan terbang ke hutan
Tali tersangkut pagar berduri
Adik bukan saudara bukan
Hati tersangkut kerana budi

Ayam rintik di pinggir hutan
Nampak dari tepi telaga
Nama yang baik jadi ingatan
Seribu tahun terkenang juga

Baik bergalas baik tidak
Buli-buli bertali benang
Baik berbalas baik tidak
Asal budi sama dikenang

Baik-baik bertanam ubi
Baik rapat jangan jarang
Baik-baik bertanam budi
Budi yang mana dikenang orang

Banyak duri perkara duri
Duri mana duri yang tajam
Banyak budi perkara budi
Budi yang mana dikenang orang

Burung pipit burung keladi
Hinggap di pokok di tepi sawah
Jika hidup tidak berbudi
Ibarat pokok tidak berbuah

Di sana padi di sini padi
Padi huma dari seberang
Di sana buah di sini budi
Barulah nama disebut orang

Gunung Bentan gilang-gemilang
Air laut tenang-tenangan
Budi sedikit tidak kan hilang
Itu menjadi kenang-kenangan

Hendak memetik daun palas
Buat isi buah berangan
Berbudi bukan minta dibalas
Hanya untuk kenang-kenangan

Jentayu si burung Jentayu
Hinggap mari di pohon mayang
Bunga kembang akhirnya layu
Budi baik tidak kan hilang

Puteri idaman puteri rupawan
Dari mata turun ke hati
Tuan segar dalam ingatan
Perginya tuan tiada berganti

Jikalau ada legundi pahit
Belanga baru saya jerangkan
Jikalau ada budi yang baik
Menjadi abu saya kenangkan

Kalau berladang menanam keladi
Keladi dibawa ke tanah seberang
Kalau dagang pandai berbudi
Sampai mati dikenang orang

Pisang emas bawa ke Bentan
Masak sebiji di atas panggung
Hutang emas berganti intan
Hutang budi badan menanggung

Pisang emas dibawa belayar
Masak sebiji di atas peti
Hutang emas boleh dibayar
Hutang budi dibawa mati

Pisang nangka dimasak pengat
Kait-kait banyak durinya
Macam mana saya tak ingat
Orang baik dengan budinya

Sebuah kendi warna kencana
Di atas kain kesumba murup
Sepantun budi kami terima
Menjadi kenangan seumur hidup

Singapura dilanggar todak
Lekat jongor todaknya mati
Kiranya dibalas kiranya tidak
Budi dikenang di dalam hati

Tanam legundi tumbuh kelapa
Terbit bunga pucuknya mati
Budi tuan saya tak lupa
Sudah terpaku di dalam hati

Tanam pisang tanam ubi
Ubi ditanam buatkan batas
Banyak orang bertanam budi
Dalam ingatan hendak dibalas



PANTUN BAHASA DAN BUDAYA



Ikan bersisik terlihat bayang
Bukan sepat ia berduri
Apalah nasib bahasaku sayang
Masih merempat di bumi sendiri

Pohon Melaka daunnya rimbun
Gugur sendiri pagi Selasa
Setelah merdeka berpuluh tahun
Lelah berdiri menongkah masa

Gulai ikan santan berlada
Dimakan bersama Datuk Penghulu
Ayuh martabatkan bahasa ibunda
Kembalikan keagungan seperti dahulu

Nampak segak Laksamana Hang Lekir
Memakai keris samping lama
Bahasa rojak harus disingkir
Bahasa Inggeris dikelek bersama

Memotong kayu berhujan lebat
Di tengah belukar berteman pelangi
Bahasa Melayu perlu dimartabat
Agar mekar harum mewangi

Ikat jerami muat ke kandar
Selepas makan mandi di telaga
Ucap difahami wasangka terhindar
Bahasa kebangsaan penyatu warga

Batang halban dibawa ke huma
Hendak dirikan sebuah taman
Bahasa kebangsaan milik bersama
Kita ungkapkan sepanjang zaman

Terbang tempua ke semak berduri
Singgah sekali di pohon rumbia
Bahasa kita lambang jati diri
Tidak rugi berbahasa Malaysia

Tengah malam harimau mengaum
Penghuni hutan tempiaran berlari
Malaysia ini berbilang kaum
Rakyatnya hidup aman harmoni

Berbanjar cemara di tanah rata
Tempat teduhan sekumpulan murai
Segar dan mesra bahasa kita
Anugerah warisan usah terburai

Dari Benta ke Kota Gelanggi
Singgah di Jengka membeli toman
Bahasa kita martabatnya tinggi
Lingua franca zaman-berzaman

Sungai Rajang terlihat kelam
Dalamnya sungai jangan diduga
Bijak berunding luar dan dalam
Nescaya terlihat indah bicara

Malaysiaku gemilang menuju wawasan
Rakyat Malaysia kental jiwanya
Seni budaya khazanah warisan
Pembina bangsa pemangkin negara

Sirih pinang sirih junjung
Cembul suasa berukir daun
Seni dijulung budaya dijunjung
Martabat bangsa negara bertamadun

Busut di hutan sarang kelekatu
Angsana tumbang terkejut tempua
Berbahasa kebangsaan saban waktu
Makin berkembang ke serata benua

Sinis surya di persada meriah
Tatkala cemar memainkan rebab
Manis budaya pada maruah
Susila yang cemar dipulihkan adab

Sinar cahaya kelibat bayang
Di Padang Kota menutup bucu
Semarakkan budaya warisan moyang
Khazanah kita ke anak cucu

Sirih junjung di meja hujung
Pinang masak kuning menjadi
Integriti dijunjung sopan disanjung
Kukuh terpasak menjana peribadi

Terus kembara di tengah padang
Merentas bahaya menuruni lurah
Kitalah wira tidak didendang
Pejuang budaya tiada bernoktah

Inang Asli Joget Melayu
Tarian rakyat indah lenggoknya
Semarakkan seni budaya bermutu
Melahirkan masyarakat Malaysia berbudaya

Anak seluang di bawah lampu
Bekas berharga cantik sepadan
Tetap berjuang sedaya mampu
Hingga nyawa berceraai di badan

Bunga Raya motif pelikat
Cantik menawan di pagi raya
Seni budaya pengikat muafakat
Jalinan hubungan sesama manusia

Lenggok alunan sudah dikenal
Tarian Singa budaya Cina
Mengukuh perpaduan pembangunan nasional
Seni budaya pembina bangsa

Terbang merbah hinggap di baruh
Di tepi paya di pinggir bendang
Biar rebah bertongkat paruh
Selagi daya terus berjuang

Hembusan angin tiupan sang bayu
Laksana teratai hilang serinya
Adat dijunjung budaya Melayu
Andai dicemar hilang manisnya



PANTUN JENAKA



Berenang lurus si anak ikan
Berenang bertebaran hatinya senang
Badan yang kurus kurang makan
Ditolak tangan mesti bergoyang

Tuai padi antara masak
Esok jangan layu-layuan
Tuan diingat dilupa tidak
Tetap mekar dalam ingatan

Kajang Pak Malau kajang berlipat
Kajang hamba mengkuang layu
Senyuman tuan hati tertambat
Semakin pandang semakin rindu

Dalam-dalam lautan India
Tak tahu berenang hanyut di lautan
Program yang datang bertimpa-timpa
Siang malam tak menang dek tangan

Main mercun baling merata
Baling merata terkena mata
Jangan kita wujudkan sengketa
Sengketa hanya membuang masa

Nak tolong tapi berkira
Nak tolong tak kena cara
Buat kerja bersama-sama
Saya lega tuan gembira

Baling tin tinggi-tinggi
Baling sekali dengan guli
Lahir ikhlas dari hati
Senyum sambil nampakkan gigi

Lautan dalam jangan diduga
Jika diduga patahlah hati
Tuan dan saya tak pernah berjumpa
Cantik rupanya si bidadari

Cok cok kendong
Kendong menari-nari
Jangan suka nak cakap bohong
Hanya untuk melepaskan diri

Limau purut masak di dahan
Batang selasih condong uratnya
Limau purut tak boleh makan
Sakit perut apa ubatnya

Menyanyi-nyanyi burung kakak tua
Dok hinggap pula di rumah sewa
Bila bertembung tak pandang mata
Sebut hutang buat-buat lupa

Suka sangat berlengah-lengah
Dahlah berlengah, malas pula bekerja
Kerja sedikit dah mengah-mengah
Jangan wujudnya sikap berkira

Air deras hanyutkan tebu
Tebu hanyut berbatang-batang
Hendak bertanya terasa malu
Bila hadirin banyak memandang

Mat saleh makan pakai tangan
Makan nasi berlauk budu
Sombong jangan riak pun jangan
Terasa rugi bersifat begitu

Elok rupa si dara jelita
Menjadi model majalah wanita
Hati kecewa jiwa terluka
Walau marah tetap ketawa

Kalau sudah perutnya kembung
Cepat-cepat cari ubatnya
Jangan mudah menjadi sombong
Kelak nanti terasa ruginya

Berhenti berdekah si bapa singa
Apabila melihat si ibu dirasuk
Muka merah sampai telinga
Usah marah jangan merajuk

Bungkus ketupat sampai melompat
Terlajak lompat terkena lembing
Majlis hebat tetamu padat
Penganjur gembira tersenyum kambing

Buat pengat buah durian
Untuk berbuka di bulan puasa
Usia tua bukan ukuran
Muka je tua hati remaja

Cuaca redup bukanlah lampu
Sunyi suasana terasa lengang
Jika hidup tiada berilmu
Memang hina dipandang orang

Mandi pagi di tepi perigi
Jangan lupa gosok gigi
Jasa tuan sentiasa di hati
Allah jua yang membalasnya nanti

Anak rusa berlari pecut
Semut ketawa keluar gigi
Berhenti semua bersifat pengecut
Kelak akhirnya kita yang rugi

Jauh berjalan berhenti seketika
Makan cencaluk bersama strawberi
Usah kita bermasam muka
Sibuk nak jadi Tom and Jeri

Harimau bersin bulunya lurut
Mencari buruan di Felda Jerangau
Adat bersin menutup mulut
Jangan nanti termasuk langau



KOLEKSI PANTUN

Buku Alam Terbentang
Menjadi Guru
oleh

**YBhg. Tan Sri Dato' Seri Utama
Dr. Rais Yatim**



Jangan disalai ciku kedondong
Salailah ikan atas para
Jangan salahkan ibu mengandung
Salahkan badan yang buruk pinta

Rempah bukan sebarang rempah
Rempah dari Kg. Jemapoh
Sembah bukan sebarang sembah
Sembah dengan jari sepuluh

Rama-rama si kumbang jati
Minum manisan dalam gua
Hidup budaya kembanglah seni
Warisan kita kekallah jua

Banyaklah bilah di kuala
Bentang tikar dekat kolam
Bismillah pemula kata
Tanya khabar dengan salam

Rama-rama si kumbang jati
Tengku Mahkota pulang berkuda
Patah tumbuh hilang berganti
Pusaka lama dikendong juga

Bentang tikar sebelah sana
Bentang tilam sebelah sebelah
Apa khabar anda semua
Semoga dalam peliharaan Allah

Membilang dari satu
Tanya khabar dengan salam
Jika dilipat sekecil kuku
Jika disebar seluas alam

Apa guna berguru menyumpit
Kalau tak kena mergastua
Apa guna maju melangit
Kalau di dada tiada budaya

Sudah lama tidak ke padang
Besar pelana pada kuda
Sudah lama tidak datang
Entah kan merana entah kan bahagia

Baju Melayu berbutang lima
Ada juga berbutang tiga
Budaya Melayu hilang tiada
Kekallah ia warisan bangsa

Wan Empuk Wan Malini
Gunung Daik Gunung Singgalang
Yang buruk tinggal di sini
Yang baik bawalah pulang

Mari duduk di tepi sungai
Melihat gelagat si ketam batu
Sama elok sikap perangai
Sukar nak pilih yang mana satu

Besar sungguh pohon jelutong
Buah saga dalam paya
Kalau berniaga sudahlah untung
Kalau berjuang tentulah nak berjaya

Kukuhnya jerut rumput
Atas tanah dekat cemperai
Tokohnya macam si pulut
Bila ditanak ia berderai

Kalau galah ia mencapai buah
Kalau jambatan ia membawa ke seberang
Kalau keris ia membawa tuah
Kalau biduk ia menaup kiambang

Di kiri baik di kanan baik
Jangan makan di tepi jalan
Di hari baik di bulan baik
Bermaafanlah kita di hari lebaran

Pisau raut si bongkok hulu
Bentang tilam tengah halaman
Pasir dan laut menjadi guru
Alam terbentang jadi pedoman

Kuih bahu sudah dikirim
Kejap lagi sampailah ia
Sekian dulu sidang hadirin
Lain kali bertemu pula

Yang jauh sudah dikumpulkan
Yang panjang sudah disimpulkan
Hendak dicakap sudah diluahkan
Yang hendak dinyatakan sudah disampaikan

Ada bilah panjang sehasta
Untuk dipagar di tepi kolam
Awal Bismillah pembuka kata
Bertanya khabar dengan salam

Bentang tikar sebelah sana
Daun lada dilipat-lipat
Apa khabar anda semua
Semoga sihat walafiat

Kok ribut tunduklah padi
Padi cupak Dato Temenggung
Kalau hidup tidak berbudi
Berdiri tegak duduknya condong

Selasih dari sana
Diletak di tepi gantang
Terima kasih anda semua
Kerana semua sudi datang

Kok memanjat bukit nan tinggi
Lutut terasa gontai nan dua
Kok teringat masa bermimpi
Tak ada sesuatu hendak ditanya

CATATAN



CATATAN





*Hak Cipta Terpelihara
Terbitan*

JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA

TINGKAT 16 18 19 26 27 30&34 MENARA TH PERDANA

JALAN SULTAN ISMAIL, 50250 KUALA LUMPUR

TEL: 03 2614 8200 FAX: 03 2697 0884

www.jkkn.gov.my

ISBN 978-967-5552-78-6



9 7 8 9 6 7 5 5 2 7 8 6

